

29 SEP 1996

S46-Anggota

PROSES PENGESAHAN KEMASUKAN ANGGOTA S46 SELESAI MINGGU DEPAN

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Proses pengesahan dan urusan pemeriksaan keahlian anggota Semangat 46 (S46) yang bakal menyertai Umno dijangka selesai hujung minggu depan, kata Ketua Penerangan S46, Ahmad Shabery Chik, hari ini.

Beliau berkata urusan itu melibatkan semua peringkat parti iaitu cawangan, bahagian dan negeri sebelum dihantar ke ibu pejabat parti di sini bagi proses terakhir.

"Kerja-kerja ini mengambil masa kerana melibatkan jumlah anggota yang ramai di samping ia perlu menyeluruh dan meliputi semua peringkat parti," katanya kepada Bernama selepas menghadiri mesyuarat S46 di kediaman Presiden parti Tengku Razaleigh Hamzah di Jalan Langgak Golf, di sini.

Mesyuarat lebih tiga jam itu dipengerusikan oleh Tengku Razaleigh dan dihadiri oleh hampir kesemua pengerusi perhubungan negeri dan pemimpin tertinggi lain.

Ahmad Shabery berkata persoalan mengenai segelintir anggota S46 tidak mahu menyertai Umno tidak timbul sebaliknya S46 memerlukan masa bagi menyelesaikan segala urusan berkaitan kemasukan ke dalam Umno supaya ia berjalan lancar. --

Hampir 200,000 anggota S46 dijangka menyertai Umno apabila parti itu dibubarkan secara rasmi bulan depan.

Ahmad Shabery berkata S46 juga telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan Perhimpunan Penyatuan Melayu di Kota Bharu, pada 3 Okt ini, yang akan dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjalan lancar dan mengikut perancangan.

Beliau berkata tindakan merosakan poster mengenai perhimpunan itu yang dilakukan oleh golongan tidak bertanggungjawab berkurangan dan menjangkakan jumlah kehadiran yang besar pada perhimpunan itu.

Selain membincangkan persiapan perhimpunan itu, mesyuarat hari ini antara lain membincangkan mengenai penyerahan borang keanggotaan kepada Umno pada 6 Okt ini serta persiapan menghadiri perhimpunan agung Umno pada 10 Okt ini, katanya.

Sementara itu, di KOTA BAHARU, Timbalan Ketua Polis Kelantan SAC II Datuk Azahar Abdul Kadir berkata polis akan bertugas seperti biasa pada hari perhimpunan itu dan yakin ia akan berjalan lancar tanpa menghadapi masalah keselamatan.

"Kawalan akan diadakan dan polis tidak menjangkakan sebarang masalah membabitkan keselamatan akan timbul," katanya kepada pemberita selepas menutup Kursus Bina Negara di sini.

Pada hari berkenaan, beberapa jalan utama di bandar ini akan ditutup kepada lalu lintas bagi melancarkan perhimpunan yang dijadualkan di Sekolah Kebangsaan Padang Garong. -- BERNAMA

RV HI NAK